

NOTIS

TAWARAN JUALAN BANGUNAN KEDAI SATU TINGKAT KEPUNYAAN KOPERASI BEKAS PERAJURIT PERLIS BERHAD (DALAM PELIKUIDASIAN)

1. Tawaran adalah dipelawa daripada semua Warganegara Malaysia/ Syarikat / Koperasi bagi membeli sebuah bangunan **No. 10A, Tingkat Atas, Bazar Medan Kangar, 01000 Kangar, Perlis.**

No. Hakmilik : PN 80

Daerah/Mukim : Bandar Kangar, Perlis.

No. Lot : 109

Keluasan bangunan : 26 m²

Pajakan : 80 tahun

2. Semua tawaran mestilah mengandungi butir-butir berikut:

- (i) Nama dan alamat pemohon/ Koperasi/ Syarikat
- (ii) No. Kad Pengenalan/ Profail Syarikat/ Profail Koperasi
- (iii) Harga yang ditawarkan

Bakal pembeli hendaklah menyertakan bayaran deposit sebanyak **SEPULUH PERATUS (10%)** daripada jumlah harga yang ditawarkan dan hendaklah dijelaskan bersama-sama **tawaran** semasa menandatangani **PERJANJIAN JUAL BELI**. Bayaran hendaklah dibuat menggunakan “**Bank Draf**” sahaja atas nama **AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**.

3. Tawaran harga hendaklah berdasarkan harga penilaian semasa oleh Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta sebanyak RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja)

4. Semua tawaran hendaklah dialamatkan kepada :-

**Pelikuidasi
Koperasi Bekas Perajurit Perlis Berhad
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perlis
Tingkat 4, Bangunan Persekutuan,
01000 Kangar, Perlis
Tel: 04-976 1009**

Tiap-tiap permohonan hendaklah dihantar secara surat berdaftar atau dengan serahan tangan dan setiap sampul hendaklah bertanda perkataan '**TAWARAN**' **di sudut kiri**

5. Deposit akan dikembalikan kepada bakal pembeli yang tidak berjaya dengan secepat mungkin. Bagi bakal pembeli yang berjaya hendaklah menyelesaikan baki **bayaran sebanyak SEMBILAN PULUH PERATUS (90%)** daripada **harga tawaran** dalam tempoh **empat (4) bulan** dari tarikh menandatangani perjanjian jual beli.
6. Tarikh tutup penerimaan tawaran ialah pada 27 April 2022.
7. Pelikuidasi Koperasi tidak terikat untuk menerima tawaran paling tinggi atau sebarang tawaran.
8. Pelikuidasi Koperasi ini tidak akan bertanggung atas segala perbelanjaan urusan pindah milik.

Tarikh: 28 Mac 2022

**TAWARAN JUALAN SATU (1) UNIT BANGUNAN KEDAI
SATU TINGKAT KEPUNYAAN
KOPERASI BEKAS PERAJURIT PERLIS BERHAD
(DALAM PELIKUIDASIAN)**

Butiran pembeli:

- (i) Nama dan alamat pemohon/ :
Koperasi/ Syarikat

- (ii) No. Kad Pengenalan/ No. :
Daftar/ Syarikat

- (iii) Harga yang ditawarkan :

KEDAI KOPERASI BEKAS PERAJURIT PERLIS BERHAD
(DALAM PELIKUIDASI)





